

 **Tel** Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan **Talian Utama** +603 2268 3333 **Emel** customer@amassurance.com.my**DUTI SETEM JELAS****POLISI INSURANS AMDRIVE PLUS**

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan telah membuat cadangan bertulis dan pengisytiharan untuk tujuan mendapatkan perlindungan insurans di mana cadangan dan pengisytiharan bertulis tersebut akan menjadi asas kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripadanya telah memohon kepada AmGeneral Insurance Berhad untuk insurans yang terkandung di dalam Polisi ini dan telah membayar premium yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai pertimbangan insurans tersebut untuk tempoh yang dinyatakan di dalam Jadual.

MAKA POLISI INI MEMPERSAKSIKAN: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Kami akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan secara dan setakat yang dinyatakan:

Syarikat bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans atau tempoh masa yang berikutnya di mana Pihak Diinsuranskan telah membayar dan Kami bersetuju menerima bayaran premium, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan sebagai pemandu dan/atau penumpang ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari Kereta yang Dinamakan dalam Jadual (kemudian ini dirujuk sebagai "Kereta Dinamakan") mengalami kecederaan anggota badan, secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan oleh punca-punca kemalangan yang menyebabkan kematian atau hilang upaya, Kami akan membayar sejumlah wang seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan mengikut Jadual Pampasan di dalam Polisi ini. Sebagai tambahan, Kami akan menyediakan perlindungan atas faedah lain yang dinyatakan di dalam polisi ini sehingga jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

DEFINISI

- Kita/Kami/AmGeneral** bermaksud AmGeneral Insurance Berhad.
- Jadual** bermaksud Jadual Polisi yang dilampirkan dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini.
- Pihak Diinsuranskan** bermaksud Individu/Persatuan/Koperasi/Syarikat yang dinamakan di dalam Jadual dan beliau adalah pemilik Kereta Dinamakan.
- Orang yang Diinsuranskan** bermaksud pemandu dan/atau penumpang dengan kebenaran Pihak Diinsuranskan untuk memandu atau menumpang sebagai penumpang menaiki atau turun dari Kereta Dinamakan dalam Polisi.
- Tempoh Insurans** bermaksud tarikh kuatkuasa insurans yang dinyatakan sehingga tarikh luputnya untuk perlindungan insurans sepertimana dinyatakan di dalam Jadual.
- Pengamal Perubatan** bermaksud pakar perubatan yang berkelulusan dengan ijazah dalam Perubatan Barat yang berkelayakan dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan, kecuali pakar perubatan yang merupakan Pihak Diinsuranskan itu sendiri, atau pasangan atau waris terdekat Pihak Diinsuranskan.

- Had Kawasan** bermaksud perlindungan terhad di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali dinyatakan sebaliknya di bawah faedah perlindungan berkaitan di dalam Polisi ini.
- Hospital** bermaksud institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat dua puluh empat (24) jam jagaan jururawat yang berkelayakan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, institusi mental, atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol, atau rumah jagaan orang tua.
- Kehilangan penglihatan** bermaksud kehilangan penglihatan secara keseluruhan menyebabkan Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan buta sepenuhnya dan tiada pemulihan dari segi pembedahan atau rawatan lain.
- Kehilangan keupayaan** bertutur bermaksud kehilangan keupayaan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.
- Kehilangan pendengaran** bermaksud kehilangan upaya kekal pendengaran dan tidak boleh dipulihkan.
- Perkelahian/Pergaduhan** Pertengkaran atau pergaduhan yang riu rendah dan sering ganas sama ada dirangsangkan atau tidak.
- Demonstrasi** - Sokongan manifestasi atau rasa tidak puas hati atau bantahan melalui perhimpunan dan perarakan awam.

FAEDAH-FAEDAH

- KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN**
Apabila kecederaan anggota badan mengakibatkan kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan dalam Kereta Dinamakan dalam tempoh dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh kemalangan, Kami akan membayar RM30,000 kepada wakil sah Pihak Diinsuranskan dan wakil sah Orang yang Diinsuranskan sebanyak RM15,000 seorang.
- HILANG UPAYA KEKAL**
Apabila kecederaan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan dalam Kereta Dinamakan dalam tempoh dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh kemalangan tetapi mengakibatkan kecederaan seperti berikut dalam tempoh dua belas (12) kalendar bulan tersebut, Kami akan membayar kehilangan tersebut mengikut Jadual di bawah sehingga maksimum RM30,000 bagi Pihak Diinsuranskan, dan RM15,000 untuk Setiap Orang Yang Diinsuranskan.

JADUAL PAMPASAN

Keterangan Hilang Upaya	Peratus (%) daripada Amaun Prinsipal Diinsuranskan)
Lumpuh keseluruhan	100
Terlantar kekal dikatil	100

Kehilangan kedua-dua tangan dan/atau kedua-dua kaki	100
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	100
Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	100
Kehilangan satu tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	100
Kehilangan satu tangan atau kaki	50
Kehilangan penglihatan sebelah mata atau Pendengaran sebelah telinga	50

Kehilangan fungsi anggota sepenuhnya akan dianggap sebagai kehilangan anggota tersebut.

Agregat semua peratus yang boleh dibayar di bawah Faedah Hilang Upaya Kekal untuk mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual bagi setiap individu.

Jika berlaku tuntutan Hilang Upaya Kekal yang kemudiannya diikuti oleh kematian Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan akibat kemalangan yang sama, jumlah amaun yang akan dibayar kepada setiap individu tidak akan melebihi jumlah prinsipal untuk Kematian Akibat Kemalangan.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN, PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK DAN/ATAU YURAN AMBULANS

(a) PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika berlaku kecederaan anggota badan, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan perlu mendapatkan rawatan daripada Pengamal Perubatan, diwadkan dalam hospital atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah, Kami akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu daripada tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat.

(b) PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK

Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik akan dibayar jika dicadangkan dan dilakukan oleh pakar Ortodontik atau Pakar Pembedahan Kosmetik selepas kemalangan yang melibatkan kecederaan anggota badan. Faedah ini dihadkan kepada perbelanjaan sebenar yang dikenakan untuk rawatan tersebut dengan syarat pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kemalangan.

(c) YURAN AMBULANS

Kami akan membayar balik yuran ambulans yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans yang membawa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan ke dan/atau dari hospital apabila perlu.

Jumlah yang perlu dibayar dibawah Faedah 3 terhad kepada RM1,000 seorang, setiap kemalangan.

4. PENDAPATAN HOSPITAL

Kami akan membayar elaun tunai harian RM20 sehari kepada Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan untuk jangka masa diwadkan di dalam hospital tidak melebihi enam puluh (60) hari dalam setahun. Faedah ini akan dibayar jika Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan diwadkan dalam hospital melebihi dua puluh empat (24) jam akibat daripada kecederaan anggota badan dan dimasukkan hospital tersebut berlaku dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh kemalangan.

Jika Tempoh Insurans kurang dari satu (1) tahun, had masa kemasukkan hospital enam puluh (60) hari akan dikurangkan mengikut perkadaran.

5. PERBELANJAAN EHSAN AKIBAT BANJIR

Kami akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan perbelanjaan sebenar yang ditanggung sehingga RM1,000 untuk setiap kejadian dan setiap tempoh insurans sebagai Perbelanjaan Ehsan Akibat Banjir disebabkan oleh kerosakan akibat banjir kepada Kereta Dinamakan di dalam Jadual. Pihak Diinsuranskan mesti mengemukakan kepada Kami salinan laporan polis untuk kejadian banjir tersebut dan resit perbelanjaan yang ditanggung.

6. INDEMNITI BERGANDA

Kami akan membayar dua kali ganda jumlah diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal sekiranya Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan mengalami sama ada kematian akibat kemalangan, atau lumpuh keseluruhan atau terlantar kekal dikatil di dalam kemalangan yang melibatkan Kereta Dinamakan di dalam Jadual dan kejadian kemalangan tersebut berlaku ketika cuti umum seluruh Malaysia.

7. PERKHIDMATAN BANTUAN KEROSAKAN KENDERAAN DAN PERKHIDMATAN TUNDA DI DALAM MALAYSIA

Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini layak untuk menerima Faedah Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda, disediakan oleh Kami atau penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh Kami, 24 jam sehari, 365 hari setahun dalam Malaysia sahaja. Faedah ini akan diberikan kepada Pihak Diinsuranskan/pemandu Kereta Dinamakan seperti dinyatakan dalam Jadual apabila berlaku kejadian kerosakan kepada Kereta Dinamakan dalam Tempoh Insurans. Pihak Diinsuranskan/pemandu Kereta Dinamakan mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor **1-300-80-3030** untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan Tunda ini adalah sehingga 450km (pergi dan balik) dan tidak dihadkan untuk bilangan kejadian. Termasuk caj tol tanpa had.

Jika Kereta Dinamakan mengalami kerosakan, Kami akan menyediakan perkhidmatan berikut tanpa kos kepada Pihak Diinsuranskan/pemandu:

- Menukar tayar pancit
- Mengganti bateri (jika bateri baharu diperlukan, perbelanjaan adalah ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan / pemandu)
- 'Jump start' enjin Kereta Dinamakan

Kos untuk semua baikpulih kenderaan termasuk penggantian alat, dilakukan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan mestilah dirunding dan dipersetujui antara Pihak Diinsuranskan/pemandu dan penyedia perkhidmatan. Kos ini adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan/pemandu.

Jika Kereta Dinamakan memerlukan tundaan kerosakan untuk melengkapkan baikpulih, kami akan menguruskan tundaan ke bengkel penyedia perkhidmatan terdekat atau destinasi khusus yang diminta oleh Pihak Diinsuranskan / pemandu dan dipersetujui oleh Kami dalam lingkungan had jarak yang dinyatakan di dalam Jadual / di atas. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan oleh pihak berkuasa dan yuran parkir (jika ada) tidak termasuk dalam perlindungan.

Kereta Dinamakan tidak akan dilindungi untuk bantuan kerosakan dan penundaan jika:

- a) kereta tidak mempunyai enjin atau tidak boleh digerakkan, untuk tujuan melupuskan Kereta atau menunda dari satu bengkel ke bengkel lain.
- b) kereta berada di kawasan terpencil, kawasan yang tidak digazetkan sebagai jalanraya, contoh seperti estet, perladangan, hutan, tempat letak kereta bawah tanah dan atas bumbung.
- c) sebarang bencana semulajadi, malapetaka, cuaca buruk dan faktor lain di luar kawalan Kami atau penyedia perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan.
- d) jika berlaku kegagalan fungsi kuasa atau malapetaka yang menghindari Kami atau penyedia perkhidmatan untuk memberikan bantuan yang diperlukan.

PERUNTUKAN KHAS

1. Faedah Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal dan Perbelanjaan Perubatan diperluaskan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambilkira sama ada beliau berada di dalam Kereta Dinamakan atau tidak. Jika Kereta Dinamakan didaftarkan di bawah Pertubuhan / Koperasi / Syarikat, pemilik Kereta Dinamakan yang sebagai Pihak Diinsuranskan boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/Faedah ini.
2. Di dalam keadaan di mana jumlah sebenar penumpang di dalam Kereta Dinamakan melebihi bilangan yang dinyatakan dalam Jadual, Had Liabiliti Kami untuk setiap orang untuk semua Faedah kecuali Faedah 5 dan 7 akan dikurangkan mengikut nisbah jumlah sebenar penumpang kepada bilangan penumpang yang diisytiharkan. Tiada had dikenakan kepada pemandu.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk mana-mana keadaan di bawah:

1. kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya:
 - a) oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia berlaku akibat luka dari kemalangan);
 - b) oleh apa-apa sakit atau penyakit;
 - c) oleh rawatan perubatan atau rawatan pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan berlaku dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Polisi);
 - d) melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi berkaitan dengannya;
 - e) Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.
 - f) semasa Kereta Dinamakan digunakan untuk aktiviti tidak sah/perniagaan atau sebagai pengangkutan yang tidak berlesen.

2. sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
3. mencederakan diri sendiri, tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
4. kerugian berlaku di luar Had Kawasan.
5. kerugian yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pemusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, insurreksi, persubahatan, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau darurat atau mana-mana peristiwa yang mencetuskan deklarasi undang-undang tentera atau darurat, rampasan, kuarantin, atau undang-undang adat atau nasionalisasi oleh atau di bawah arahan kerajaan atau awam atau pihak berkuasa tempatan, atau apa-apa senjata atau alat-alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di dalam masa tenteram atau peperangan. Pengecualian ini tidak dipengaruhi oleh sebarang pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepada perkara yang tersebut di atas, secara keseluruhan atau sebahagian. Pihak Diinsuranskan seharusnya, jika diminta, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Kami, membuktikan bahawa kerugian tersebut tidak timbul di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab yang tersebut di atas.
6. sebarang kerugian yang berlaku semasa Kereta Dinamakan digunakan untuk tujuan sewa, perlumbaan, rali jalanraya, ujian kelajuan atau kegunaan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
7. kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau yang timbul daripada pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear selenggara diri.
8. Jika Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
9. sewaktu melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
10. kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.
11. sebarang keadaan sedia ada atau kecacatan fizikal atau penyakit, sebarang bentuk sawan.
12. Pihak Diinsuranskan sedang dalam penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan, Pihak Diinsuranskan terlibat dalam aktiviti peluncuran air, menyelam skuba dan aktiviti di dalam air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan dalam air, memburu, lemas, mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, payung terjun, luncur udara, penerjunan bebas, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sebarang perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki, kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung daripada pembunuhan atau serangan provokasi, keracunan makanan dan gigitan serangga, ular, haiwan perosak atau binatang.
13. Kehilangan, kerosakan atau liabiliti terhadap Kereta Dinamakan atau berpunca dari Kereta Dinamakan ketika Perkhidmatan Bantuan Kerosakan atau Perkhidmatan Tunda.

14. Semasa Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam Perkelahian/Pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau Demonstrasi.
15. sebarang tindakan keganasan. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

SYARAT-SYARAT

1. KONTRAK

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

2. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

Pihak/Orang yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak/Orang yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Kami untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

3. PERTUKARAN DI DALAM POLISI

Sebarang pertukaran di dalam Polisi adalah tidak sah melainkan ia dipersetujui dan diakui oleh pegawai Kami yang diberi kuasa oleh Kami dan persetujuan tersebut diendorskan kepadanya.

4. TUNTUTAN

- a) Jika berlaku apa-apa kemalangan yang mungkin menyebabkan pampasan dibayar di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan/Orang yang Diinsuranskan seharusnya segera mendapatkan khidmat pengamal perubatan dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal perubatan tersebut.
- b) Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang mungkin akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Kami dalam masa empat belas (14) hari selepas kejadian kemalangan tersebut dengan segala keterangan mengenai kemalangan dan kecederaan itu. Kematian Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan akan ditentukan melalui Sijil Kematian rasmi dan dokumen lain yang diperlukan oleh Kami atau sekiranya kehilangan diri selepas kemalangan, oleh Mahkamah yang menganggap beliau telah mati.
- c) Selepas berlaku apa-apa kemalangan yang telah atau mungkin menimbulkan satu tuntutan, Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah-langkah terbaik untuk menjaga mana-mana peralatan atau barang sama ada rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berkenaan mana-mana tuntutan dan tiada perubahan atau pembaikan yang boleh dibuat pada mana-mana barangan berkenaan dengan atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Kami.

Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan tidak boleh menafikan liabiliti membuat perundingan atau tawaran, janji atau pembayaran yang berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan tanpa persetujuan bertulis daripada Kami, dan Kami berhak mengambil alih dan menguruskan bagi Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan untuk mempertahankan sebarang tuntutan atau mendakwa bagi Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan atas kos Kami untuk kepentingan Kami, untuk pampasan atau kerosakan atau dalam hal lain yang berkaitan dengan sesiapa dan harus mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam mana-mana perundingan dan dalam menyelesaikan mana-mana tuntutan dan Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan perlu memberi segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh Kami.

- d) Semua sijil, resit akaun, dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan atas kos Pihak Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh Kami.

5. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Kami berhak dan berpeluang untuk menjalankan pemeriksaan ke atas Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan sekerap yang diperlukan semasa tuntutan sedang dinilai dan mempunyai hak dan peluang untuk membuat autopsi dalam kes kematian akibat kemalangan di mana ia tidak dilarang oleh undang-undang.

6. DUA ATAU LEBIH POLISI

Jika berlaku kejadian tuntutan di bawah Faedah 3 dan 5 di dalam Polisi dan terdapat polisi insurans lain dengan Kami atau insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau sebahagian daripadanya, Kami tidak akan membayar melebihi perkadaran puratanya.

7. PEMBATALAN OLEH PIHAK DIINSURANSKAN

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan dengan memberi notis bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kepada Kami. Kami akan menyimpan premium selaras dengan jadual jangka pendek Kami untuk selama tempoh Polisi telah berkuatkuasa dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans yang belum luput, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans.

Jadual Jangka Pendek

Tempoh tidak melebihi	Peratus (%) Pemulangan premium tahunan
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pemulangan

8. PEMBATALAN OLEH SYARIKAT

Kami boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas hari (14) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamat terakhir yang diketahui oleh Kami dan menyatakan tarikh kuatkuasa pembatalan. Kami akan memulangkan jumlah pro-rata premium bagi baki tempoh insurans yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan. Pembatalan ini adalah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang telah dibuat sebelum ini.

9. PENIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu (1) kalendar bulan selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara serta mempengerusikan mesyuarat dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Kami. Jika Kami menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh penafian dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut polisi ini.

10. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWALSELIA

Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai kepada atau termasuk:

- a) pampasan untuk kerugian bagi pengadilan yang bukan ditentukan atau diperolehi daripada Mahkamah di bawah bidang kuasa undang-undang di Malaysia.
- b) kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung di dan boleh dituntut balik di Malaysia.

11. PEMATUHAN KEPADA PERLINDUNGAN INSURANS MOTOR

Polisi ini akan dibatalkan dan tidak sah secara automatik jika Kereta Dinamakan seperti di dalam Jadual tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.

12. SALAH NYATAAN/PENIPUAN

Polisi ini akan terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak Diinsuranskan, yang mana Pihak Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Kami) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Kami.

13. TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini akan luput/tamat pada tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans dan boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan bersama antara Pihak Diinsuranskan dan Kami. Polisi ini akan tertakluk kepada semakan pada Ulang tahun Polisi iaitu pada satu tahun selepas tarikh kuatkuasa dan secara tahunan selepasnya.

Bagaimanapun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui jika berlaku salah satu yang berikut:

- a. Premium tidak dibayar, atau
- b. Pihak Diinsuranskan telah meninggal dunia, atau
- c. Pihak Diinsuranskan telah menuntut Faedah Hilang Upaya Kekal, atau
- d. Kereta Dinamakan tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.

14. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna

- a) Menurut Perenggan 5, Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- b) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

15. PEMBAYARAN PREMIUM - TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuatkuasa.

16. PENAMATAN POLISI

Polisi akan tamat/luput secara automatik apabila Pihak Diinsuranskan meninggal dunia atau apabila Pihak Diinsuranskan tidak mempunyai hakmilik/kepentingan berinsurans ke atas Kereta Dinamakan. Selepas menerima notis bertulis daripada Pihak Diinsuranskan/wakil sah/waris terdekat Pihak Diinsuranskan, Kami akan membatalkan Polisi ini. Kami akan menyimpan premium selaras dengan kadar jangka pendek Kami untuk tempoh Polisi telah berkuatkuasa dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans yang belum luput kepada Pihak Diinsuranskan/wakil sah/waris terdekat Pihak Diinsuranskan, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans.